

Jangan terseret ke dalam pengertian jihad sempit

UM 17 OCT 2001

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Umat Islam digesa agar mengelakkan diri daripada terseret ke dalam pengertian jihad sempit yang tidak memberi kebaikan kepada agama, masyarakat dan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, sesetengah pihak pula diminta tidak mengelirukan takrif jihad kerana ia mempunyai pengertian yang amat luas.

“Dalam Islam, jihad mempunyai makna yang luas iaitu setiap curahan tenaga dan daya usaha dengan tujuan suci bagi kepentingan agama, masyarakat dan negara,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pentauliahian ketua amil serta amil dan penyampaian bantuan zakat, di Dewan Muktamar Pusat Islam di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad agar umat Islam tidak

terjebak dengan jihad yang disalahertikan sebaliknya perlu bangkit mencapai kemajuan dan perpaduan.

Dr. Mahathir menegaskan jihad dalam erti kata sebenar ialah membangunkan negara menerusi penguasaan ilmu supaya menjadi begitu kuat sehingga tiada sesiapa yang boleh melakukan penindasan.

Perdana Menteri berkata demikian semasa diwawancara dalam Rancangan Khas Bersama Perdana Menteri bertajuk Keganasan: Kesan Ke Atas Ekonomi, Politik dan Keselamatan Negara yang disiarkan oleh RTM1 malam tadi.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, saranan Perdana Menteri itu memang tepat kerana beliau telah mengupas persoalan jihad dalam ruang lingkup yang luas.

Jelasnya, jihad bukanlah semata-mata sesuatu yang digambarkan mesti bersifat pertumpahan darah dan pembunuhan hingga mengakibatkan orang tidak berdosa menjadi mangsa.

“Kita akan menjatuhkan karamah (martabat) insan sekiranya pembunuhan dilakukan tanpa alasan yang kukuh,” tegasnya.

Sebaliknya beliau menjelaskan, ruang lingkup jihad adalah mencakupi keluasan alam ini iaitu setiap perkara yang terbit dari hati dengan niat kerana Allah semuanya dianggap jihad.

“Seorang nelayan yang sanggup menghadapi badai dan petani bertungkus-lumus di sawah dianggap berjihad.

“Begitu juga pelajar yang menimba ilmu semaksimum mungkin untuk membina diri sebagai persediaan di masa depan adalah jihad,” ujarnya.

Malah katanya, kerajaan yang membuat perancangan bagi kepentingan negara agar memastikan rakyat tidak mengalami kesusahan hidup turut dikategorikan sebagai berjihad.